

USIM gondol dua kategori debat diraja

UNIVERSITI Sains Islam Malaysia (USIM) mencatat sejarah tersendiri apabila buat julung kalinya muncul juara Pertandingan Debat Diraja IPT 2009 dalam dua kategori iaitu Johan Debat Bahasa Arab kategori Utama dan Johan Debat Bahasa Melayu Kategori Muda dalam tempoh 10 tahun penubuhan USIM.

Pertandingan yang berlangsung di Universiti Malaya (UM) pada 4 hingga 7 Disember lalu merupakan acara tahunan anjuran Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (Madum).

Pasukan debat Bahasa Arab USIM yang diwakili oleh Mohd. Najib Taha, Hisham Hanapi, Mohd. Izzat Amsyar dan Ahmad Shahir berjaya menewaskan juara bertahan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

USIM bertindak sebagai kerajaan, manakala UIAM bertindak sebagai pembangkang berhujah dengan tajuk 'Menghantar pelajar untuk menyambung pengajian di universiti bukan Islam merosakkan akhlak mereka.'

USIM juga mencipta sejarah buat kali

pertama apabila muncul juara debat Bahasa Melayu kategori muda. USIM membariskan empat pendebat iaitu



PARA pendebat USIM bersama piala kemenangan pada Pertandingan Debat Diraja IPT 2009.

Ammar Shahrin, Mohd.

Azri Naim, Mohd.

Shahizad Saleh dan Anis Nazurah Abd. Mokhti berjaya menewaskan pasukan dari Universiti (UTP)

yang membahaskan tajuk 'Krisis Pemanasan Global: Kita Sudah

Terlambat.'

Menurut Ammar Shahrin, kejayaan itu amat bermakna buat mereka kerana ia datangnya dari usaha keras pendebat, bimbingan jurulatih dan sokongan pengurusan USIM yang sekali gus menamatkan penantian 10 tahun penglibatan USIM dalam debat diraja IPT.

Mohd. Najib Taha, pendebat Bahasa Arab USIM pula berkata yang mereka tidak menjangkakan kemenangan itu kerana terpaksa bertemu dengan juara bertahan iaitu UIAM.

"Ini adalah hadiah sempena 10 tahun penubuhan USIM dan hadiah pelantikan Naib Canselor baru USIM, Prof. Datuk Dr. Muhammad Muda," katanya.

Bagi Kategori Bahasa Inggeris, ia dimenangi oleh pasukan UIAM selepas menewaskan pasukan Universiti Teknologi MARA (UiTM). Untuk kategori Bahasa Melayu Utama, ia dimenangi oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang mengalahkan pasukan dari Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM).

Juara kategori Muda dan Utama masing-masing menerima hadiah wang tunai berjumlah RM3,000, sijil penyertaan, piala pusingan dan piala iringan.

Hadiah dan cenderamata disampaikan oleh Raja Muda Perak, Dr. Raja Nazrin Shah. Turut hadir Pengerusi Lembaga Pengarah UM, Tan Sri Arshad Ayub dan Naib Canselor UM, Prof. Datuk Dr. Ghauth Jasmon.